



28 Ogos 2015
28 August 2015
P.U. (B) 341

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERISYTIHARAN LEBUH RAYA DUTA-ULU KELANG SEBAGAI JALAN WILAYAH PERSEKUTUAN YANG DITETAPKAN

DECLARATION OF THE DUTA-ULU KELANG EXPRESSWAY AS A DESIGNATED FEDERAL TERRITORY ROAD



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBER

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERISYTIHARAN LEBUH RAYA DUTA-ULU KELANG SEBAGAI
JALAN WILAYAH PERSEKUTUAN YANG DITETAPKAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh takrif “jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan” dalam seksyen 67 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri, setelah berunding dengan Dato Bandar Kuala Lumpur, mengisytiharkan bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Duta-Ulu Kelang, yang bermula dari kilometer 2.27 (di koordinat U 1994.99, T 3750.92 Grid Cassini Negeri Selangor) dan berakhir di kilometer 5.21 (di koordinat U 1890.579, T 846.810 Grid Cassini Negeri Selangor) termasuklah Plaza Tol Kg. Batu dan Tanjakan Masuk Jalan Sentul iaitu suatu jarak sepanjang 2.94 kilometer, sebagai jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan berkuat kuasa mulai 1 September 2015.

2. Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan itu ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

Pembatalan

3. Perisytiharan Lebuhraya Duta-Ulu Kelang Sebagai Jalan Wilayah Persekutuan Yang Ditetapkan [*P.U. (B) 1/2009*] dan Perisytiharan Lebuhraya Duta-Ulu Kelang Sebagai Jalan Wilayah Persekutuan Yang Ditetapkan (No. 2) [*P.U. (B) 158/2009*] dibatalkan.